

Peningkatan sebanyak 11 peratus berbanding tahun sebelumnya

PPZ-MAIWP kutip zakat RM1 bilion

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA — Pusat Pungutan Zakat - Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) berjaya mengutip keseluruhan zakat lebih RM1 bilion sepanjang tahun lalu.

Kutipan itu mencapai sasaran ditetapkan dan kali pertama mencecah angka RM1 bilion berbanding RM937,036,444 yang dikutip pada tahun 2022.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar berkata, secara keseluruhan, MAIWP mengutip RM1,035,822,412 iaitu peningkatan sebanyak 11 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Beliau berkata, jumlah zakat pendapatan yang dikutip pada tahun lalu menyumbang kutipan tertinggi iaitu sebanyak 68 peratus atau RM702 juta.

"Ia diikuti zakat perniagaan sebanyak 16 peratus atau RM165 juta, manakala bakinya terdiri



MOHD. NA'IM (tengah) menunjukkan jumlah kutipan zakat yang diperolehi pada 2023 di Wilayah Persekutuan di Putrajaya semalam.

daripada zakat wang simpanan, zakat harta, fitrah, qadha dan lain-lain," katanya pada sidang akhbar prestasi dan kutipan

zakat PPZ-MAIWP 2023 di sini, semalam.

Kata Mohd. Na'im, kutipan zakat itu diperolehi daripada

1,851,852 pembayar zakat bagi tiga wilayah persekutuan itu Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan.

Mohd Na'im berkata, kejayaan

kutipan itu didorong beberapa faktor termasuk keberkesan pelaksanaan strategi pemasaran dan promosi berterusan serta kepelbagaiannya saluran bayaran zakat oleh PPZ-MAIWP.

"PPZ-MAIWP berjaya mencapai kutipan dan pembayar lebih tinggi berbanding 2022 meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan situasi ekonomi dunia yang tidak stabil," ujarnya.

Katanya, saluran bayaran melalui potongan gaji zakat menjadi pilihan utama pembayar yang telah menyumbang 50 peratus daripada keseluruhan kutipan iaitu sebanyak RM519 juta diikuti saluran kaunter (RM175 juta), Portal PPZ-MAIWP (RM132 juta) dan ejen (RM61 juta).

Jelasnya lagi, PPZ-MAIWP akan terus menganjurkan pelbagai kempen dengan sasaran yang berbeza seperti Kempen Mesra Majikan, Kempen Jom Potong, Kempen Jom Tambah, Kempen Jom Ulang dan Year End Zakat.